

Publication: **Front Desk**  
Date: **18<sup>th</sup> June 2018**  
Headline: **Bursa Malaysia Opens Lower**



## **BURSA MALAYSIA DIBUKA RENDAH**

KUALA LUMPUR, 18 Jun: Bursa Malaysia dibuka rendah hari ini berikutan sentimen pelabur yang berhati-hati ekoran tercetusnya semula kebimbangan akan kemungkinan perang perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China.

Pada 9.05 pagi, petunjuk pasaran FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) turun 20.61 mata kepada 1,741.17 daripada paras penutup 1,761.78 pada Khamis minggu lepas.

Indeks itu dibuka 16.20 mata lebih rendah kepada 1,745.58.

Di keseluruhan pasaran, kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 247 berbanding 67, manakala 164 kaunter tidak berubah, 1,433 tidak diniagakan dan 22 yang lain digantung.

Jumlah dagangan berjumlah 120.33 juta unit bernilai RM98.21 juta.

Public Investment Bank Bhd dalam nota penyelidikannya hari ini berkata aliran menurun di bursa tempatan itu adalah susulan tercetusnya kembali kebimbangan akan kemungkinan perang perdagangan AS-China yang menggusarkan pasaran saham global pada akhir minggu lepas.

AS mengumumkan tarif US\$50 billion bagi import dari China, menyebabkan Beijing bertindak balas mengambil langkah yang sama.

Bagi saham wajaran tinggi di Bursa, Maybank susut empat sen kepada RM9.56, Public Bank turun 34 sen ke RM23.70, Petronas Chemicals berkurangan 12 sen kepada RM8.22, CIMB turun lima sen kepada RM5.92, manakala Tenaga meningkat empat sen kepada RM14.54.

Dalam kalangan kaunter cergas, IRIS Corp naik dua sen kepada 15.5 sen, MyEG meningkat 1.5 sen kepada RM98 sen, manakala Sapura turun dua sen kepada 63 sen, Fintec Global dan PUC setiap satu menyusut setengah sen masing-masing kepada sembilan sen dan 19.5 sen.

Indeks FBM Emas turun 115.64 mata kepada 12,263.14, Indeks FBM Ace susut 2.62 mata kepada 5,315.70 dan FBM70 jatuh 89.07 mata kepada 14,739.26.

Indeks FBMT100 berkurangan 125.33 mata kepada 12,039.45 dan Indeks FBM Emas Syariah susut 127.70 mata kepada 12,346.01.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan susut 134.0 mata kepada 17,358.84, Indeks Perusahaan turun 29.57 mata kepada 3,135.68 dan Indeks Perladangan jatuh 134.96 mata kepada 7,647.69.